



04 JUL, 2026

CUKAI MENARIK KEPADA PENAJA

Harian Metro, Malaysia



MSN BERSAMA KBS SEDIA KERTAS CADANGAN KEPADA KABINET

CUKAI MENARIK KEPADA PENAJA

Oleh Amirul Fazli
Zulkafli

sukan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Majlis Sukan Negara (MSN) sedang memperhalusi cadangan bagi menambah baik insentif pelepasan cukai kepada syarikat korporat dalam usaha menarik lebih banyak penajaan kepada persatuan sukan di negara ini.

Ketua Pengarah MSN, Jefri Ngadirin berkata, pihaknya bersama Kementerian Belia dan Sukan (KBS) kini sedang menyediakan satu kertas cadangan untuk dibentangkan kepada Kabinet bagi memperkenalkan kemudahan cukai yang lebih menarik kepada bakal penaja.

Katanya, cadangan itu dibuat selepas isu pelepasan cukai sering dibangkitkan oleh syarikat korporat dalam beberapa sesi libat urus yang diadakan bersama bakal penaja sebelum ini.

"Kami pernah membentangkan beberapa cadangan kepada Kabinet termasuk berkaitan pelepasan cukai berganda (*double taxation*), namun kerajaan

berpandangan ia tidak praktikal untuk dilaksanakan ketika ini.

"Bagaimanapun, kami sedang menyiapkan satu kertas bersama KBS untuk dibawa ke Kabinet berhubung kemudahan cukai yang lebih menarik. Pengumuman mengenainya akan dibuat oleh KBS," katanya.

Bagi Jefri, antara cadangan yang dikemukakan MSN ialah meningkatkan kadar pelepasan cukai supaya lebih kompetitif berbanding kadar sedia ada, sekali gus menarik minat lebih banyak pihak korporat melabur dalam industri sukan.

"Kalau boleh,

kami mahu menaikannya seperti yang dilaksanakan di Singapura. Setakat yang sa-

ya tahu, kadarnya sekitar 15 peratus. Apa yang paling banyak diminta oleh pihak industri ialah pelepasan cukai berganda. Bagaimanapun, mekanisme itu perlu diperhalusi dan dibincangkan oleh semua pihak berkaitan," katanya.

Ketika ini, syarikat yang menyalurkan tajaan kepada persatuan sukan melalui MSN boleh menikmati pelepasan cukai sebanyak 10 peratus daripada pendapatan agregat di bawah kemudahan pengecualian cukai Subseksyen 44(6).

Katanya, kemudahan itu membolehkan MSN membantu persatuan sukan menawarkan nilai tambah kepada bakal penaja, sekali gus menggalakan lebih banyak syarikat tampil

menyokong pembangunan sukan negara.

"Melalui kemudahan Subseksyen 44(6), kami membantu persatuan mendapatkan pengecualian cukai untuk penaja. Sebagai contoh, jika Tenaga Nasional Berhad (TNB) menaja Konfederasi Hoki Malaysia (MHC), permohonan itu akan melalui MSN bagi mendapatkan pelepasan cukai.

"Buat masa ini, kadar pelepasan cukai adalah 10 peratus daripada pendapatan agregat. Ia sebenarnya sudah memberi manfaat, namun mungkin terdapat insentif baharu yang boleh diperkenalkan kepada bakal penaja pada masa depan, terutama menjelang temasya Sukan Sea," katanya.



"Kami sedang menyiapkan satu kertas bersama KBS untuk dibawa ke Kabinet berhubung kemudahan cukai yang lebih menarik. Pengumuman mengenainya akan dibuat oleh KBS"

Jefri